

# Dokumen Meja Terkawal

SEBUT HARGA DALAM TALIAN



**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## **DOKUMEN SEBUT HARGA BAGI**

**KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK TEDUHAN UNTUK  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/7/816
TARIKH BUKA	08 JANUARI 2025
TARIKH TUTUP	22 JANUARI 2025
MASA TUTUP	12:00 TENGAHARI

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,  
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,  
47610 SUBANG JAYA,  
SELANGOR D.E.  
[www.mbsj.gov.my](http://www.mbsj.gov.my)**

# Dokumen Meja Terkawal

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/816

## KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK TEDUHAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

---

SENARAI KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	<b>SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER</b>	SS1 – SS4
B	<b>SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6</b>	SAP 1 – SAP 2
C	<b>ARAHAN KEPADA PETENDER</b>	AKP 1 – AKP 11
D	<b>BORANG SEBUT HARGA</b>	BS 1 – BS 2
E	<b>PREAMBLES</b>	P1 – P2
F	<b>JADUAL KADAR HARGA</b>	JKH 1- JKH 4
G	<b>PENENTUAN KERJA</b>	PK1 – PK17
H	<b>MAKLUMAT PETENDER</b>	MP1 – MP 12
J	<b>PELAN LOKASI</b>	-



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN A**

**SENARAI SEMAK DAN  
PERAKUAN PETENDER**

## SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA

### **PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.**

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan sebut harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu tender kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli jawatankuasa sebut harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum sebut harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

# Dokumen Meja Terkawal

## SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

### (KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan  / bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Sila tandakan  X bagi dokumen-dokumen yang tidak disertakan atau tidak berkaitan.

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	<p>Petender adalah <b>diwajibkan</b> mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut :</p> <p>i) Salinan penyata bulanan bank bagi <b>tiga (3) bulan</b> terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga bagi bulan <b>Oktober, November dan Disember 2024</b>. (Penyata bank tersebut hendaklah disahkan) atau :</p> <p>ii) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi 2 (dua) tahun kewangan terakhir yang telah disahkan bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja atau:</p> <p>iii) Sebarang salinan dokumen / surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain <b>yang terkini</b>.</p> <p>Penyata bank di atas telah disahkan oleh pihak bank yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

# Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
3	Salinan Borang 49 dan Borang 24 atau salinan Borang D atau Borang E. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Surat Setuju Terima yang disahkan bagi projek- projek telah disiapkan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (SPP) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan atau Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK (bagi kerja dikhususkan kepada bumiputera)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti :  i) Kenderaan/jentera dengan menyertakan salinan Sijil Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan. ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan. iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat. Salinan sijil-sijil kursus / seminar /latihan berkaitan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Lain-lain (Sila nyatakan) :  i) _____ ii) _____ iii) _____	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

# Dokumen Meja Terkawal

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>  Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar.  Tandatangan :  Nama:  Jawatan :  Tarikh :	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>  Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada)  Tandatangan :  Nama:  Jawatan :  Tarikh :  Tandatangan :  Nama:  Jawatan :  Tarikh :
---	---

\* Sila potong mana tidak berkenaan.



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

### **BAHAGIAN B**

**SURAT AKUAN PEMBIDA  
- LAMPIRAN 6**

## SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

### KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK TEDUHAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

**MBSJ.KUB.400-5/7/816**

Saya, .....(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili .....(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran .....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1. Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
  - 2.2. Lain-lain tindakan undang-undang/tata tertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa :
- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. K/P : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

**Catatan:**

- (i) \*Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

### **BAHAGIAN C**

**ARAHAAN KEPADA  
PETENDER**



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

### **BAHAGIAN D**

**BORANG SEBUT HARGA  
DAN SYARAT-SYARAT  
MEMBUAT SEBUT HARGA**

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**  
**BORANG SEBUT HARGA**

**SEBUT HARGA BAGI :**

**KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK TEDUHAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

Kepada :

Datuk Bandar,

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

1. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan jadual kadar harga, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan bekalan-bekalan / perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga diskaun yang ditawarkan seperti mana di bawah dan / atau Penentuan Perkhidmatan tersebut. Yang bertandatangan di bawah ini mengemukakan tawaran melaksanakan kerja-kerja ini dengan kadar tawaran diskaun sebanyak\*.....% (dengan perkataan : .....  
peratus daripada kadar harga seperti mana di dalam Jadual Kadar Harga di dalam dokumen sebut harga ini :

**Nota: \*....Isikan kepada dua titik perpuluhan (Cth: 15.50)**

2. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa tawaran diskaun tersebut akan digunakan untuk kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga bagi menghasilkan Jumlah Bayaran yang akan dibuat terhadap sesuatu pesanan/arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Pengguna.
3. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa nilai anggaran kerja keseluruhan perolehan ini adalah dijangka dalam lingkungan **RM 25,000.00 sebulan** dan tertakluk kepada setiap arahan kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Pengguna di mana dan apabila perlu dijalankan.
4. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa Jumlah Harga Kumulatif bagi keseluruhan tempoh kontrak ini berkuatkuasa selama **satu (1) tahun** tertakluk kepada kelulusan Pihak Majlis seperti di para 3 di atas adalah sebanyak **RM300,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Ribu Sahaja)** melainkan terdapat apa-apa arahan tambahan dari Pegawai Pengguna yang disifatkannya sesuai.
5. Saya/Kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya sebut harga ini diterima dan bersetuju dengan apa-apa syarat sebut harga yang ditetapkan secara bertulis serta bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk samada :

# Dokumen Meja Terkawal

- a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad(BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful

6. Bahwasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujuterima atau menolak Sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada Sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama tawaran harga diskaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

7. Saya/Kami juga maklum bahawa akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** seperimana ditetapkan oleh pihak MBSJ seperti dinyatakan di dalam perkara 21.0 Arahan Kepada Petender.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa sebut harga ini akan ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini bagi membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Kerajaan, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada ..... haribulan ..... 2025.

.....  
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan :.....

Alamat : .....

.....  
No. Telefon : .....

Tarikh : .....

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan :.....

Alamat : .....

.....  
No. Telefon : .....

Tarikh : .....

.....  
(Meterai atau Cap Petender)



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

### **BAHAGIAN E**

***PREAMBLES***

## KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK TEDUHAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	<b>PREAMBLES</b>
	<p><b>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</b></p> <p>A Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan kadar harga yang dinyatakan didalamnya.</p> <p>B Kontraktor dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan senarai kuantiti perkhidmatan ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua perkhidmatan yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam senarai kuantiti perkhidmatan ini. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada pegawai penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telahpun membaca dan memahami segala isi kandungan</p> <p>C Lokasi kerja akan ditetapkan oleh Pegawai Penguin atau Wakil Pegawai Penguin berdasarkan Arahan Kerja yang akan dikeluarkan.</p> <p>D Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor atau individu yang berkaitan dengan kontraktor yang di tahan atas apa jua alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berhak.</p> <p>E Bayaran akan dibuat berdasarkan senarai kuantiti sebenar di tapak setelah perhidmatan siap dijalankan. Kuantiti akhir akan diukur dan dipersetujui bersama kontraktor atau wakilnya dengan pegawai penguasa atau wakilnya.</p> <p>F Pihak kontraktor dinasihatkan agar membuat laporan polis sekiranya terdapat mana-mana pihak / kumpulan / individu yang cuba/telah memeras ugut/bertindak ganas/mengganggu kakitangan/individu serta asset yang di bawah kawalselia pihak kontraktor. Ini adalah bagi melindungi keselamatan/kepentingan nyawa dan harta milik kontraktor di tapak. Pihak majlis tidak akan campur tangan secara langsung atau tidak langsung dalam menangani permasalahan ini.</p> <p>G Setiap pekerja kontraktor atau mana-maan individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan, but keselamatan, dan lain-lain peralatan keselamatan yang perlu selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian, laporan kepada pihak berkuasa yang berhak untuk mengikut Akta Keselamatan Pekerja bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu.</p> <p>H Pihak kontraktor dan/atau wakil/penama yang sah akan dimasukan ke dalam satu kumpulan 'what's app' (what's app group) yang akan dinamakan kemudian bagi memudahcarakan/mencepatkan penyaluran semua makluman/maklumat/pertanyaan/ jawapan/ arahan kerja. Semua transaksi perbualan adalah sebagai satu transaksi rasmi dan perlu dipatuhi oleh pihak kontraktor, pihak kontraktor, tanpa sebarang alasan yang munasabah, tidak dibenarkan mendiamkan diri tanpa memberi apa-apa maklumbalas yang diperlukan.</p>

<b>BIL</b>	<b>PREAMBLES</b>
J	<p><b>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMB.)</b></p> <p>Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan yang berikut, pada masa kerja dilaksana</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Seorang Penyelia Keselamatan Tapak yang bertauliah dan diperakui oleh JKPP Malaysia (DOSH) atau CIDB ; mahir tentang kerja tapak bina dan keselamatan kerja. DAN / ATAU</li> <li>b) Penyelia bagi kerja penanaman pokok adalah individu yang kompeten ; samada Seorang yang mahir dalam bidang penanaman pokok atau, seorang telah menghadiri kursus penanaman pokok di Universiti/Insitusi Pengajian Tempatan/Anjuran Agensi kerajaan.</li> </ul>
K	Kontraktor hendaklah mengemukakan sample pokok kepada Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa untuk kelulusan sebelum kerja-kerja penanaman pokok dilakukan.
L	Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab menyelenggara pokok yang ditanam dalam tempoh yang ditetapkan dengan berkeadaan pokok subur ,tidak berpenyakit dan sekiranya pokok yang ditanam mati atau tidak subur, pihak kontraktor dikehendaki mengganti pokok yang sama dengan tanggungan kos pihak kontraktor sendiri.
M	Sampah-sarap hasil kerja yang dilaksanakan hendaklah dibersihkan dan dilupuskan serta-merta (tidak melebihi 24 jam) selepas kerja-kerja penanaman pokok dilaksanakan di <b>tapak pelupusan yang dibenarkan oleh Majlis sahaja</b> . Pihak kontraktor hendaklah mendaftar lori dengan pihak Majlis untuk urusan masuk ke tapak pelupusan. Jika tempat pelupusan sampah adalah bukan dibawah tapak pelupusan dibawah kelolaan Worldwide Holdings iaitu di Jeram dan Dengkil, pihak kontraktor perlu mendapatkan kebenaran dari pihak MBSJ terlebih dahulu.
N	Pihak Kontraktor <b>wajib</b> mengemukakan laporan bergambar bersama tuntutan bayaran. Gambar-gambar hendaklah diambil sebelum, semasa & selepas kerja-kerja dilaksanakan. Denda kelewatan merujuk kepada Perkara 22.0 arahan kepada petender akan dikenakan sekiranya pihak kontraktor gagal mengemukakan tuntutan bayaran dalam tempoh yang telah ditetapkan.
P	<p><b>BAYARAN FI PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN</b></p> <p>Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian secepat mungkin selepas semua terma dan syarat-syarat dalam perjanjian tersebut dipersetujui kedua-dua pihak dari tarikh keluarnya surat setuju terima. Petender juga akan menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Sekiranya petender gagal untuk menandatangani perjanjian dalam tempoh tersebut, ia boleh menjelaskan proses tuntutan bayaran. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada rujukan <b>21.0 dalam Arahān Kepada Pentender</b>.</p>
Q	<p><b>PENYEDIAAN INSURANS</b></p> <p>Petender yang dilantik hendaklah menyediakan Perlindungan ** Takaful/Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahān Kepada Petender)</p> <p>**Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans.</p> <p>Petender hendaklah menyediakan Bon Pelaksanaan (Performance Bond) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahān Kepada Petender).</p>



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

### **BAHAGIAN F**

**JADUAL KADAR HARGA**

# Dokumen Meja Terkawal

## KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK TEDUHAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KADAR HARGA (RM)
<b>1.0</b>	<b>PRELIMINARY (AWALAN):</b>  A Menyediakan <b>Polisi Insuran Takaful/Tanggungan Awam (Contractor All Risks Insurance)</b> mengikut kepada Syarat-syarat Kontrak.  B Menyediakan <b>Polisi Insuran Takaful/Pampasan Pekerja (Workman Compensation Insurance) / SOCSO</b> mengikut kepada Syarat-syarat Kontrak.  C Menyediakan segala peralatan keselamatan dan alat perlindungan diri (PPE) yang mengcukupi semasa bekerja seperti: i. 'Safety vest' - kepada semua pekerja terlibat ii. Bendera / 'flagmen' - minimum 2 unit atau Model flagman-minimum 1 unit iii. Lampu keselamatan 'beacon' / 'blinkers' - Minimun 2 unit iv. Kon keselamatan (baru) - Minimun 10 unit v. Papan tanda isyarat kerja - Papan tanda penutupan sebelah jalan, papan tanda arah, papan tanda simbol kerja pemotongan pokok vi. Perlindungan diri PPE <ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju 'safety' tebal memotong pokok - min 3 unit</li> <li>• Seluar 'safety' tebal memotong pokok - min 3 unit</li> <li>• Tali 'Harness' (tali semasa menaiki jentera skylift / memanjat pokok)</li> <li>• Kasut 'safety boot' untuk memotong pokok - min 3 unit</li> <li>• Topi keselamatan, cermin mata dan penutup telinga - min 3 unit</li> </ul> (Kerja-kerja di tapak tidak akan dibenarkan untuk dimulakan sekiranya kontraktor gagal menyediakan peralatan kerja kerja dan PPE seperti diperlukan dan disahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya.)	Pukal	500.00 300.00 1,200.00
D	Menyediakan <b>2 set laporan bergambar</b> (seperti format yang ditentukan pihak Majlis) bagi kemajuan kerja setiap bulan bagi tempoh kontrak 12 bulan untuk kerja-kerja berikut (anggaran RM200 sebulan).	Pukal	2,400.00

# Dokumen Meja Terkawal

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KADAR HARGA (RM)
2.0	<b>KERJA-KERJA MEMBEKAL POKOK</b> Membekal dan menghantar pokok ke tapak Penanaman yang diarahkan oleh pihak Majlis.  <b>POKOK TEDUHAN</b>		
A	<i>Agathis borneensis (Borneo Kauri)</i> OH : 1.5m hingga 2.0m Diameter Trunk : 25mm - 50mm	Nos	170.00
B	<i>Juniperus chinensis (Chinese Juniper)</i> OH : 1.5m hingga 2.0m Diameter Trunk : 25mm - 50mm	Nos	200.00
C	<i>Garcinia subelliptica (Happiness Tree)</i> OH : 1.5m hingga 2.0m Diameter Trunk : 25mm - 50mm	Nos	200.00
D	<i>Hopea odorata (Merawan Siput Jantan)</i> OH : 1.5m hingga 2.0m Diameter Trunk : 25mm - 50mm	Nos	150.00
E	<i>Eugenia orealana(Kelat Paya)</i> OH : 1.5m hingga 2.0m Diameter Trunk : 25mm - 50mm	Nos	60.00
F	<i>Diospyros buxifolia (Kayu Arang)</i> OH : 1.5m hingga 2.0m Diameter Trunk : 25mm - 50mm	Nos	200.00
G	<i>Tristania whiteana (Pelawan)</i> OH : 1.5m hingga 2.0m Diameter Trunk : 25mm - 50mm	Nos	300.00
H	<i>Tristaniopsis obovata (Pelawan)</i> OH : 1.5m hingga 2.0m Diameter Trunk : 25mm - 50mm	Nos	300.00

# Dokumen Meja Terkawal

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KADAR HARGA (RM)
<b>3.0</b>	<b>KERJA-KERJA PENANAMAN POKOK</b>		
A	<p><b>Menyediakan lubang pokok</b>            Saiz lubang 1.0m x 1.0m x 1.0 m (dalam). Kontraktor perlulah mengorek lubang tanaman 2 ke 3 kali ganda lebih besar daripada diameter bebola akar dan sedalam saiz bebola akar melibatkan tenaga kerja dan jentera</p>	Nos	16.00
B	<p><b>Membekal dan memasang 'root barrier'</b>  <i>'Root barrier'</i> perlu diletakkan rapat pada lubang yang telah dikorek dan menggunakan pancang atau paku untuk memastikan ia tidak bergerak. Saiz 'root barrier' mengikut saiz lubang tanaman 1.0m x 1.0m x 1.0m (dalam)</p>	M2	50.00
C	<p><b>Membekal dan menyediakan tanah</b>            Semua lubang yang digali hendaklah diisikan dengan tanah campuran atas (top soil) : pasir : baja organik tahi ayam kering serta BIOCHAR dengan nisbah 3:2:1 bagi setiap lubang penanaman mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.</p>	M3	50.00
D	<p><b>Penyediaan sewa logistik jentera bagi penanaman pokok.</b>            Penyediaan sewa logistik jentera yang berkaitan untuk penanaman pokok bagi kerja-kerja penanaman serta mengambil pokok di tapak semaian dan kerja-kerja yang berkaitan seperti yang mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.</p>	Hari	500.00

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KADAR HARGA (RM)
<b>3.0</b>	<b>KERJA-KERJA PENANAMAN POKOK (SAMBUNGAN)</b>		
A	<b>Sungkupan sabut kelapa kasar</b> Menyediakan sungkupan sabut kelapa yang kasar setebal 150mm disetiap permukaan lubang penanaman sekeliling pokok selepas kerja-kerja penanaman dilaksanakan.	Nos	5.00
B	<b>Membekal Set kayu pancang ke Tapak Semaian</b> Menyediakan bekalan kayu pancang yang dicat warna hijau 2 unit kayu / pokok pemancang dengan berukuran 2" x 1" x 6' beserta dengan 'wire hose'.	Set	15.00
C	<b>Melupuskan tunggul pokok dengan mesin penghancur tunggul (stump grinder)</b> Menghancurkan tunggul dengan mesin penghancur tunggul (stump grinder) sehingga ke paras tanah.	Nos	300.00
<b>4.0</b>	<b>KERJA-KERJA PENYIRAMAN</b>		
A	Kontraktor perlu menyediakan lori 1 tan (minimum) yang telah diubahsuai bagi tujuan penyiraman mengikut seperti yang dipersetujui. Sumber air adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor (bersih dan selamat).	Hari	517.00



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

### **BAHAGIAN G**

**PENENTUAN KERJA**

## PENENTUAN KERJA

### KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK TEDUHAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

#### A. KEPERLUAN AM

##### A.1 BIDANG KERJA

Kerja-kerja yang hendak dijalankan dibawah kontrak ini merangkumi bidang kerja seperti berikut:

###### **A.1.1 Kerja-kerja Permulaan dan Persediaan:**

- a. Menyediakan Polisi Insuran / Takaful Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja.
- b. Menyediakan segala peralatan keselamatan yang mencukupi semasa bekerja seperti ‘safety vest’ bendera, walkie-talkie, lampu bicon, kon dan keperluan lain.
- c. Menyediakan kedua-dua di bawah, setiap masa di tapak semasa kerja dilakukan ;
  - 1) Seorang Penyelia Keselamatan Tapak yang bertauliah dan diperakui oleh JKPP Malaysia (DOSH) atau CIDB ; mahir tentang kerja tapakbina dan keselamatan kerja. **DAN / ATAU**
  - 2) Penyelia bagi kerja penanaman pokok adalah individu yang kompeten ; samada Seorang yang mahir dalam bidang penanaman pokok atau, seorang telah menghadiri kursus penanaman pokok di Universiti/Insitusi Pengajian Tempatan/Anjuran Agensi kerajaan.
- d. Menyediakan jadual kemajuan pelaksanaan kerja di tapak bagi tujuan pemantauan pegawai Majlis.
- e. Pihak kontraktor **wajib** mengemukakan 2 salinan laporan bergambar (seperti format yang ditentukan Plhak Majlis) bagi kemajuan kerja diserahkan semasa menyerahkan tuntutan.

###### **A.1.2 Skop Kerja adalah seperti berikut:**

- a. Kerja-kerja membekal pokok seperti yang disenaraikan dalam jadual kadar harga.
- b. Kerja-kerja membekal ‘root barrier’ seperti yang disenaraikan dalam jadual kadar harga
- c. Kerja-kerja melupus tunggul pokok dengan menggunakan ‘grinder’ seperti yang disenaraikan dalam jadual kadar harga.
- d. Kerja-kerja penanaman pokok termasuk sunkupan dan pemasangan kayu pancang seperti yang disenaraikan dalam jadual kadar harga.
- e. Kerja-kerja penyiraman pokok seperti yang disenaraikan dalam jadual kadar harga.

Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi kerja seperti yang diuraikan dalam dokumen ini dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya dari semasa ke semasa.

## A.1.3 Kaedah Pemilihan Bahan Tanaman

- a. Kaedah pemilihan asas bahan tanaman adalah berdasarkan spesifikasi bahan tanaman yang telah ditetapkan di dalam Pelan Penanaman (Planting Plan) di dalam Dokumen Tender / Kontrak.
- b. Pemilihan bahan tanaman adalah berdasarkan kriteria berikut:
  - i. Mematuhi spesifikasi bahan tanaman yang telah ditetapkan. Pertukaran adalah tidak dibenarkan kecuali di atas persetujuan atau arahan Pegawai Pengguna.
  - ii. Kriteria pemilihan bahan tanaman adalah berdasarkan spesifikasi iaitu tinggi keseluruhan, tinggi batang, diameter batang, saiz silara, dan menepati spesifikasi di dalam dokumen Tender / Kontrak.
- c. Tanaman perlu dinilai di tapak semaihan terlebih dahulu sebelum dihantar ke tapak projek untuk mengelakkan masalah penolakan. Pokok utama pilihan mestilah mempunyai batang yang lurus dan tegak.
- d. Kuantiti bahan tanaman yang dibekalkan mestilah seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Tender Kontrak.

## A.1.4 Saiz Standard Tanaman Untuk Kerja Lanskap

Kesesuaian saiz tanaman bagi kerja landskap adalah merujuk kepada tujuan tertentu seperti nilai estetika, fungsi dan kesan reka bentuk, saiz ini boleh diubahsuai berdasarkan konsep reka bentuk penanaman.

- a. Pokok Utama standard  
Saiz: 2100mm – 3000mm tinggi keseluruhan  
Diameter batang: 25mm – 75mm  
Saiz polibeg : 600mm x 600mm  
Batang utama tegak lurus dan mempunyai sistem percabangan yang baik.
- b. Pokok separa matang (semi mature / instant)  
Saiz : 3000mm – 5000mm tinggi keseluruhan  
Diameter batang: 75mm – 150mm  
Saiz polibeg: 750mm x 750mm  
Batang utama tegak lurus dan mempunyai sistem percabangan yang baik.
- c. Pokok matang (mature / instant tree)  
Saiz – lebih dari 5000mm tinggi keseluruhan.  
Diameter batang: 75 mm – 150mm  
Pokok sihat, batang tegak lurus dan mempunyai silara yang baik.

## A.1.5 Pengendalian Bahan Tanaman Ke Kawasan Tapak Projek

Berikut adalah garis panduan pengendalian bahan tanaman untuk dibawa ke tapak projek:

- a. Memastikan jenis pengangkutan yang bersesuaian untuk memudahkan penghantaran.
- b. Mengamalkan kaedah penyusunan dan penyelenggaraan bahan tanaman untuk mengurangkan risiko kerosakan. Bahan tanaman yang memerlukan penyelenggaraan yang khusus adalah seperti berikut:
  - i. Pokok utama  
Penyusunan secara menegak atau mendatar dengan bahagian silara berkedudukan tinggi daripada bebola akar (burlap).
  - c. Memilih kesesuaian masa penghantaran yang dapat melindungi bahan tanaman daripada angin kuat, cuaca kering dan panas terik matahari. Masa yang paling sesuai adalah pada waktu pagi dan malam.

## A.1.6 Penyediaan “Root Barrier’ di Tapak

Berikut adalah garis panduan pengendalian ‘root barrier’ untuk di tapak projek :

- a. Angarkan saiz lubang pokok berdasarkan saiz bola penanaman pokok. Kedalaman ‘root barrier’ ialah 2 kaki lebih dalam dari akar pokok.
- b. Letakkan ‘root barrier’ rapat pada lubang yang telah dilorek dan gunakan pancang atau paku untuk pastikan ia tidak bergerak. Pastikan aras atas ‘root barrier’ adalah searas dengan tanah dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Selepas meletakkan pokok ke dalam lubang yang telah diletak ‘root barrier’. Pastikan diisi dengan media penanaman.

## A.1.7 Kaedah Penanaman Pokok

### Penyediaan lubang penanaman

- d. Saiz lubang penanaman bergantung kepada:
  - i. Tekstur tanah
  - ii. Saiz bebola akar atau pokok
- e. Lubang yang lebih luas adalah lebih baik untuk tumbesaran pokok. Bagi pokok separa matang, lubang penanaman disyorkan bersaiz 2 ke 3 kali ganda lebih besar daripada diameter bebola akar dan sedalam saiz bebola akar tersebut.
- f. Sekiranya tanah di kawasan penanaman dalam keadaan baik (ruangan udara yang baik dan subur), saiz lubang di kawasan tersebut lebih kecil berbanding di kawasan tanah yang kering dan tidak subur.
- g. Semasa menggali lubang, tanah permukaan dan tanah pertengahan harus diasangkan.
- h. Tanah perlu bebas daripada batu-batan atau permukaan yang padat dan keras. Ia hendaklah dipecah-pecahkan supaya dapat membantu saliran air dan menggalakkan akar pokok tumbuh dengan baik.

## A.1.8 Penyediaan campuran tanah

- a. Tanah terbaik yang dimasukkan ke dalam lubang penanaman adalah tanah yang dikeluarkan dari lubang yang sama.
- b. Kebanyakan tanah di kawasan bandar perlu ditukarkan dengan tanah atas atau 'top soil' luar yang dicampurkan dengan pasir dan bahan organik. Ini bagi memastikan media penanaman yang digunakan mempunyai tekstur dan struktur yang baik untuk penyerapan air, pengudaraan serta subur. Faktor ini menggalakkan pengeluaran akar-akar baru.
- c. Nisbah campuran tanah yang disarankan terdiri daripada:
  - i. Tiga bahagian tanah atas
  - ii. Satu bahagian bahan organik (tahi ayam,tahi lembu atau bahan kompos)
- d. Bagaimanapun, mengendalikan bahan organik seperti tahi ayam dan lembu lebih sukar disebabkan bahan tersebut berbau busuk, melekit, lembap dan sukar diurus. Bagaimanapun, percampuran baik antara bahan di bawah boleh digunakan untuk setiap 1 m<sup>3</sup> lubang tanaman:
  - i. Tiga bahagian tanah atas
  - ii. Satu bahagian pasir halus
  - iii. Campuran 2 kg TSP (Triple Super Phosphate)

## A.1.9 Penanaman

- a. Satu lubang kecil hendaklah digali di atas campuran tanah yang dimampatkan bersesuaian dengan saiz bebola akar.
- b. Anak pokok harus dikeluarkan dengan berhati-hati daripada tabung bagi mengelakkan bebola akar pecah dan kecederaan akar.
- c. Semasa mengangkat anak benih, tidak hanya memegang batang tetapi perlu juga memegang bebola akar.
- d. Bagi pokok di dalam bekas, perlu dikeluarkan dengan berhati-hati dan akar-akar anak benih pokok yang berlingkar di bahagian bawah tabung perlu dileraikan dan diserakkan dengan baik di dalam lubang.
- e. Akar yang terlalu banyak boleh dipotong bagi mengelakkan sistem akar bergelung dan terikat sesama sendiri.
- f. Bebola akar dimasukkan ke bahagian tengah lubang sehingga kolar akar selaras dengan permukaan tanah bagi mengelakkan bebola akar tenggelam.
- g. Kemudian, campuran tanah dimasukkan ke dalam lubang dipadatkan dengan cermat bagi mengelakkan kecederaan akar.
- h. Bagi mengelakkan air bertakung dan tanah mendap di lubang penanaman, tanah di sekitar pangkal pokok perlu ditinggikan beberapa sentimeter daripada paras tanah asal.
- i. Gunakan air bagi memadatkan tanah dan bukan dengan cara memijak tanah bagi mengelakkan tanah terlebih mampat dan untuk memberikan ruang untuk akar bergerak.

## A.1.10 Kayu pancang, tali penegang dan perlindungan fizikal

- a. Kayu pancang dan tali penegang hanya perlu sekiranya pokok ditanam di kawasan yang berangin dan sekiranya pokok tidak tumbuh dengan tegak.
- b. Kayu pancang biasanya berukuran 2.5 cm - 5 cm dan ketinggiannya bergantung kepada ketinggian pokok yang ditanam. Kayu pancang ini hendaklah dicacak berdekatan batang pokok mengikut arah tiupan angin tetapi perlu dielakkan daripada mencederakan akar pokok.
- c. Batang pokok perlu diikat kepada kayu pancang sekurang-kurangnya dua ikatan menggunakan bahan yang lembut seperti getah untuk mengelakkan kecederaan kepada batang pokok.
- d. Kayu pancang dan tali penegang perlu dibuang apabila pokok yang ditanam telah membesar dan kelihatan teguh (selepas setahun).
- e. Sekiranya pokok ditanam di kawasan yang terdedah dengan binatang dan kerosakan manusia, pagar perlu dibina di sekeliling anak pokok.

## A.1.11 Penjagaan dan penyelenggaraan selepas penanaman pokok

Penyiram, sungkulan dan pemangkasan adalah perkara yang sangat penting dalam penanaman pokok.

- a. Penyiraman perlu dilakukan sebaik sahaja pokok selesai ditanam dan sangat kritikal dalam beberapa bulan pertama.
- b. Pada hari yang panas atau musim kemarau, pokok perlu disiram sekurang-kurangnya sekali sehari iaitu pada awal pagi atau lewat petang.
- c. Sungkulan penting bagi menutup tanah yang terdedah di sekeliling pokok yang baru ditanam bagi mengelakkan kehilangan kelembapan tanah, mengawal pertumbuhan rumput dan sebagai sumber nutrisi kepada pokok. Sungkulan boleh didapati dalam bentuk:
  - i. Hampas kelapa sawit
  - ii. Rumput serta daun-daun kering
  - iii. Sabut kelapa/padi
  - iv. Jerami padi
  - v. Habuk dan cebisan kayu
- d. Sungkulan perlu diletakkan setinggi 2-4 inci di sekeliling pokok kecuali untuk sesuatu kawasan memerlukan 6-8 inci daripada batang pokok.

## A.1.12 Jarak penanaman

- a. Tiada sebarang syarat khusus yang dinyatakan kerana banyak faktor yang mempengaruhi jarak penanaman pokok. Antara faktor yang diambil kira ialah:
  - i. Jenis pokok yang dipilih.
  - ii. Sifat pertumbuhannya (saiz silara dan sifat akar)
  - iii. Kualiti tapak penanaman.
  - iv. Tujuan penanaman.
- b. Jarak penanaman untuk pokok pinggiran jalan adalah dalam lingkungan 10 hingga 20m bergantung kepada spesis pokok dan kualiti tapak penanaman.
- c. Sekiranya pokok ditanam bagi tujuan menghadang, pokok-pokok ditanam rapat-rapat supaya silara pokok bertindih antara satu sama lain.
- d. Jika penanaman pokok berhampiran dengan bangunan, rumah, tembok konkrit, pembenteng bawah tanah dan sebagainya, jarak menanam yang sesuai ialah 4 m supaya akar-akar pokok tidak akan merosakkan struktur konkrit dan bangunan.

## A.1.13 Melupuskan tunggul pokok di tapak

Berikut adalah garis panduan pengendalian ‘grinder’ di tapak projek :

- a. Pastikan ‘goggle’ pelindung telinga, kasut keselamatan dan sarung tangan yang sesuai digunakan oleh pekerja yang akan melaksanakan kerja tersbeut.
- b. Jauhkan kenderaan, orang awam, kanak-kanak, haiwan dan tingkap berkaca dari lokasi, sekurang-kurangnya 75 kaki dari tunggul. Jika terdapat tingkap berkaca, ia perlu ditutup dengan bahan penutup yang sesuai.
- c. Bersihkan lokasi keliling tunggul, pastikan tiada batu, kayu atau apa-apa bahan di situ. Pastikan tiada laluan utility di bawah tanah tersebut.
- d. Potong tunggul pada aras paling rendah menggunakan gergaji mesin terlebih dahulu.
- e. Letakkan ‘grinder’ di atas tanah supaya rodanya menghadap tunggul. Sentiasa berdiri di belakang ‘grinder’. Pegang pemegang ‘grinder’ dengan kuat dan cekap.
- f. Selepas tamat kerja ‘grinding’ masukkan kisaran kayu dan tanah yang ada ke dalam lubang yang terhasil.

## A.2 KAWASAN KERJA

Kawasan-kawasan kerja di bawah tawaran ini adalah seperti dalam pelan lokasi yang disertakan di **Bahagian I. PELAN / LUKISAN / GAMBAR / LOKASI**; mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

## A.3 TEMPOH KONTRAK

Kontraktor adalah bertanggungjawab menyiapkan kerja-kerja membekal dan menanam anak pokok serta kerja-kerja berkaitan berkuatkuasa untuk tempoh **Satu (1) Tahun** seperti yang ditentukan dalam surat tawaran.

## A.4 WAKIL KONTRAKTOR

- A.4.1 Kontraktor dikehendaki melantik seorang wakil yang dikenali sebagai Penyelia yang telah diberikuasa menggantikan beliau semasa ketiadaannya dan apa-apa arahan yang telah diberi kepada Penyelia oleh Majlis hendaklah dianggap telah diterima oleh kontraktor tersebut. Penyelia tersebut hendaklah mempunyai salah satu kelayakan di bawah ;
- a. Seorang Penyelia Keselamatan Tapak yang bertauliah dan diperakui oleh JKPP Malaysia (DOSH) atau CIDB ; mahir tentang kerja tapakbina dan keselamatan kerja. **DAN / ATAU**.
  - b. Penyelia bagi kerja penanaman pokok adalah individu yang kompeten ; samada Seorang yang mahir dalam bidang penanaman pokok atau, seorang telah menghadiri kursus penanaman pokok di Universiti/Insitusi Pengajian Tempatan/Anjuran Agensi kerajaan.

## A.5 PENYERAHAN NOTIS KEPADA KONTRAKTOR

Sebarang notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor di bawah kontrak ini akan diserahkan dengan cara menghantar melalui pos atau pos berdaftar kepada tempat perniagaan berdaftar Kontraktor atau lain-lain alamat sebagaimana yang dinyatakan oleh Kontraktor dari semasa ke semasa / melalui telefon / melalui faksimili. Penukaran alamat / telefon / faksimili oleh kontraktor hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Majlis dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penukaran.

## **A.6 WAKTU BEKERJA**

- A.6.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja di bawah kontrak ini mengikut masa-masa yang ditetapkan oleh Pegawai Pengguna atau arahan-arahan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa. Perkhidmatan ini perlu dilaksanakan setiap hari termasuk hari Sabtu dan Ahad, serta cuti am sekiranya diarahkan oleh Pegawai Pengguna atau Wakilnya.

## **A.7 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 3 hari daripada tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat arahan kerja tanpa sebab-sebab munasabah, Surat Tawaran kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Pengguna.

## **A.8 KEPERLUAN PERALATAN DAN TENAGA KERJA**

- A.8.1 Segala keperluan dan peralatan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Kontraktor hendaklah sedia ada mempunyai peralatan kerja berjentera bagi penyelenggaraan.
- A.8.2 Semua Kontraktor hendaklah membuktikan bahawa mempunyai aset tetap atau sewaan sebuah lori minimum 3 tan (untuk mengangkut sampah) dan . Bukti pemilikan atau sewaan lori wajib disertakan semasa mengisi Dokumen Tawaran. Jika terdapat pertukaran pada penggunaan lori ,pihak kontraktor yang dilantik perlu mengemukakan surat rasmi / makluman segera melalui apa cara sekalipun mengenai pertukaran tersebut. Jika didapati No. plat lori adalah berbeza di antara dalam dokumen dan yang di tapak, atau tidak sahlaku ketika di periksa, tanpa makluman dan kebenaran dari Majlis, pihak Majlis berhak untuk mengambil tindakan terhadap kontraktor sehingga menamatkan kontrak tersebut.
- A.8.3 Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja tersebut Kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan termasuk alat pelindungan diri (PPE), kenderaan dan jentera-jentera yang dimaksudkan itu sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Kelulusan PUSPAKOM perlu diperolehi bagi kenderaan-kenderaan perdagangan.
- A.8.4 Sekiranya Kontraktor menggunakan kuasa mesin/ jentera bagi kerja-kerja pengorekkan lubang tanaman pokok adalah dengan itu mengambil semua langkah keselamatan yang perlu semasa melaksanakan kerja. Kontraktor yang didapati melanggar syarat-syarat di dalam dokumen sebutharga / tender boleh dikenakan pemotongan sehingga 100 % dari kos kerja sepenuhnya dan dikemukakan untuk penamatan Kontrak. Bagi keadaan kawasan yang mempunyai laluan akses yang terhad dan pekerja perlu perlu memastikan Penyelia pihak kontraktor perlu berada di tapak bagi memantau kerja secara professional tertakluk kepada kesukaran kerja di lapangan.

- A.8.5 Sebelum memulakan kerja, Borang Senarai Semak tanaman pokok dan Kelengkapan perlu diisi oleh kontraktor. Borang ini boleh diminta dan disemak oleh Pegawai Majlis pada bila-bila masa semakan tapak dibuat oleh Majlis. Kegagalan kontraktor menyediakan borang ini semasa semakan boleh mengakibatkan NTP dikeluarkan.
- A.8.6 Kontraktor hendaklah menyediakan bilangan pekerja, peralatan, kenderaan dan jentera yang sesuai dan mencukupi bagi kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak ini dengan perbelanjaan sendiri bagi memastikan kerja-kerja tersebut dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bilangan pekerja jika diarahkan atau disebut dalam surat arahan hendaklah dipatuhi.
- A.8.7 Kegagalan menyediakan tenaga pekerja secukupnya, pihak Majlis akan mengenakan denda sebanyak RM 200.00 bagi setiap pemerhatian.
- A.8.8 Pekerja asing yang digunakan hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan Pihak Berkuasa yang berkaitan serta perlu mahir berkomunikasi dalam Bahasa Melayu.
- A.8.9 Pihak pekerja kontraktor dimestikan memakai baju yang seragam dan vest pantulan cahaya semasa melaksanakan kerja di tapak.

## **A.9 KESELAMATAN**

- A.9.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan keselamatan bagi pekerjanya sewaktu menjalankan kerja. Antara peralatan keselamatan tersebut adalah kon, pemantul cahaya dan papan tanda keselamatan.
- A.9.2 Kontraktor dikehendaki untuk menjamin kepentingan dan keselamatan kenderaan, orang awam dan pekerjanya semasa menjalankan kerja di mana-mana kawasan di tapak. Sebarang kemalangan atau kerosakan yang diakibatkan dari kecuaian pihak kontraktor terhadap tugas dan kesempurnaan kerja di tapak adalah di bawah tanggungan Kontraktor.
- A.9.3 Semua kerja yang melibatkan kemudahan atau laluan kenderaan atau orang awam hendaklah disediakan dengan papan tanda sementara dan lengcongan di mana perlu yang memberi amaran jelas tentang kerja sedang dijalankan dan bagaimana pengguna boleh menggunakan laluan atau kemudahan tersebut dengan selamat.
- A.9.4 Kontraktor dikehendaki memasang tali halangan, kon atau tanda dengan cahaya pada waktu malam yang dapat mengawal kawasan kerjanya dari dilalui oleh orang awam.
- A.9.5 Kenderaan yang digunakan bagi memungut sampah hendaklah bergerak perlahan atau pada kadar yang sesuai di kawasan kerja dan berhenti dengan memberi isyarat lampu berhenti ketika memungut sampah dalam kawasan kerja.
- A.9.6 Kontraktor akan dikenakan denda sekiranya gagal mematuhi langkah-langkah keselamatan. Pengenaan denda adalah seperti di para A.10

## A.10 DENDA

Pihak Majlis boleh mengenakan sebarang bentuk denda kepada Kontraktor berdasarkan kegagalan mematuhi syarat-syarat dalam dokumen Kontrak. Denda akan dikenakan jika didapati kontraktor tidak mengikut atau menjalankan kerja-kerja yang dinyatakan dalam skop kerja/ bidang yang telah disenaraikan. Denda ini akan ditolak daripada Nilai Kontrak dan Pegawai Penguasa atau Wakilnya berhak untuk menuntut daripada Kontraktor.

Denda yang akan dikenakan bagi kerja-kerja yang tidak disiapkan atau dipenuhi seperti yang diarahkan oleh pegawai penguasa atau wakilnya bergantung kepada peratus denda sehingga 100% daripada nilai harga kerja yang tidak dapat disiapkan dengan memuaskan.

Denda penalti bagi setiap kesalahan adalah seperti berikut:

### A.10.1 Pekerja / Kecekapan Pengurusan

Bil.	Kesalahan	Kadar NTP
1.	Pekerja tidak memakai vest keselamatan	RM200
2.	Bilangan pekerja tidak mencukupi	RM200
3.	Kon tidak dipasang pada kawasan yang sepatutnya	RM200

### A.10.2 Kerja Tidak Siap/Tidak Menepati Spesifikasi:

Bil.	Kesalahan	Kadar NTP
1.	Sampah pokok kontraktor tidak diangkat di dalam masa ditetapkan	RM200
	Kerosakan kepada harta benda awam	RM200
	Perancangan kerja di lapangan kurang memuaskan / Tiada perancangan atau Pelan Pengurusan Kerja di lapangan	RM200
2.	Tidak menggunakan peralatan keselamatan semasa melaksana kerja	RM500
	Mengalami kemalangan di tapak kerja	a) RM2000 b) Surat Amaran Arahan Pemberhentian / Penangguhan Kerja sehingga mematuhi arahan baru dikeluarkan

## A.10.3 Tidak Menghadiri Pemeriksaan di Tapak

Kegagalan Kontraktor atau Penyelianya untuk menghadiri pemeriksaan bersama antara Kontraktor dan Pegawai Penyelia pada setiap hujung pusingan akan dikenakan denda sebanyak RM200.00.

## A.10.4 Kegagalan Menghadiri Mesyuarat / Taklimat

Kontraktor akan dikenakan denda sebanyak RM200.00 bagi setiap kali gagal menghadiri mesyuarat yang diadakan oleh pihak Majlis berhubung dengan kerja-kerja kontrak setelah diberi notis sama ada secara telefon atau bertulis tanpa sebarang sebab munasabah

## **A.11 OPERASI KERJA**

A.11.1 Kontraktor adalah dikehendaki mengadakan sendiri pekerja-pekerja, membekal segala mesin, peralatan yang berkaitan dan kenderaan yang ditentukan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya.

A.11.2 Kontraktor hendaklah memastikan pelaksanaan kerjanya mengikut jadual yang telah ditetapkan atau sebarang arahan kerja yang dikeluarkan oleh Majlis. Pegawai Penyelia dari pihak Majlis akan memeriksa mutu kerja mengikut jadual tersebut.

A.11.3 Semua pekerja yang menguruskan perkhidmatan hendaklah sentiasa berhati-hati supaya tidak melakukan kerosakan atau mengganggu ketenteraman awam.

A.11.4 Kontraktor mestilah boleh dan mudah dihubungi oleh Pegawai Penyelia pada bila-bila masa. Kontraktor dimestikan mempunyai alat yang mudah untuk dihubungi seperti yang berikut:-

- a. Telefon
- b. Telefon bimbit
- c. Mesin faksimili

## **A.12 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN KONTRAK**

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh Majlis jika Kontraktor setelah menerima 3 NTP bagi kesalahan perenggan A.10.1 (Pekerja / Kecekapan Pengurusan), atau didapati berlaku salah satu dari yang berikut:

- A.12.1 Tanpa sebarang sebab, semua kerja ditangguh sebelum tarikh penyiapan.
- A.12.2 Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- A.12.3 Gagal meneruskan kerja-kerja dengan sebab-sebab yang tidak munasabah.
- A.12.4 Gagal mengawal keselamatan dan menyebabkan kemalangan di tempat kerja
- A.12.5 Kemajuan kerja terlalu perlahan tanpa apa-apa sebab munasabah. Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- A.12.6 Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah
- A.12.7 Gagal mengurus kerja dengan baik, sehingga menyebabkan kerosakan harta benda awam atau pihak ketiga dan kemudian tidak membaikinya sehingga Majlis berpuas hati
- A.12.8 Mengalami keadaan bankrup atau syarikat ditukar milik iaitu tidak dapat membayar hutang atau membuat tukar milik untuk kepentingan pihak peminjam atau memecahkan kontrak-kontrak kecil tanpa kebenaran.

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh Majlis dengan memberi Notis Penamatan Perkhidmatan oleh Pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya atau pihak Majlis boleh menamatkan kontrak ini dengan serta-merta jika didapati kerja-kerja yang dijalankan tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Majlis.

## **A.13 PERUBAHAN KERJA**

Pegawai Penguasa atau Wakilnya boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja-kerja dengan **secara bertulis**. Semua perubahan kerja dan/ atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam jadual kadar harga. Jika terdapat sebarang kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya dan kontraktor ia hendaklah digunakan.

## A.14 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

Kontraktor hendaklah mematuhi segala Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa Pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat.

## A.15 PECAHAN KONTRAK

Sekiranya pihak kontraktor telah melanggar mana-mana peruntukan dalam kontrak ini atau gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah diarahkan atau ditetapkan,

Pegawai Penguasa atau Wakilnya boleh melantik Kontraktor lain untuk melakukan kerja-kerja yang tertangguh tersebut atau yang langsung tidak dilaksanakan dan dengan itu pihak Kontraktor terpaksa menanggung segala kos bagi kerja-kerja yang tertangguh itu sama ada dipotong daripada bayaran yang sepatutnya dibayar kepada Kontraktor tersebut dan apa jua kos lebihan hendaklah ditanggung oleh pihak Kontraktor.

## A.16 SUB KONTRAK

Kontraktor **tidak boleh** pada bila-bila masa memajakkan (Sub Kontrak) atau melepaskan semua atau sebahagian daripada kontrak ini kepada orang lain.

## A.17 PENGAMBILAN PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Bagi menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini, Kontraktor adalah pada bila-bila masa dilarang mengambil bekerja mana-mana pekerja yang sedang bekerja dengan MBSJ sama ada pekerja tetap, kontrak sementara atau sambilan.

## A.18 KEROSAKAN DI TAPAK

Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada sebarang kacauanggu kepada orang awam dan harta benda awam semasa menjalankan kerja-kerja tersebut. Semua kerosakan yang berlaku di tapak akibat kerja-kerja yang dibuat oleh Kontraktor sama ada kerosakan yang kecil atau besar, hendaklah dibaiki semula oleh Kontraktor hingga kembali sama seperti keadaan asal seperti sebelum kerja dimulakan. Pegawai Penguasa atau Wakilnya boleh membuat pemeriksaan secara berkala ke atas peralatan dan jentera yang digunakan semasa kerja dilaksanakan untuk memastikan peralatan dan jentera yang sesuai digunakan.

## **A.19 PEMBAYARAN**

Bayaran hanya akan dibuat selepas semua jadual atau laporan lengkap diterima serta kerja kontrak telah pun sah dilaksanakan dengan sempurna dan mengikut penentuan yang ditetapkan. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada kerja-kerja yang telah dijalankan seperti dalam Perincian Kerja. Sebarang tuntutan bayaran tambahan daripada jumlah yang telah dipersetujui tidak akan dilayan sekiranya kontrak ini tersalah anggar atau tersalah kira oleh pihak Kontraktor.

A.19.1 Bayaran kepada kontraktor yang hanya dibuat selepas Sijil Perakuan Siap Kerja diperakui oleh Pegawai Penguasa dan perjanjian kontrak yang rasmi ditandatangani serta dimeteri dalam tempoh kerja telah diperolehi.

A.19.2 Laporan bergambar (Sebelum, Semasa dan Selepas) perlu ditunjukkan terlebih dahulu sama ada secara email atau salinan kepada Pegawai Penyelia sehingga berpuas hati atau sehingga 3 kali semakan. Walaubagaimanapun, Laporan ini perlu menunjukkan secara jelas gambar semasa ketika kerja dijalankan dengan logistik , jentera yang digunakan serta pemakaian alat perlindungan diri (PPE) dengan jelas. Laporan bergambar yang selepas 3 kali semakan masih dalam keadaan tidak memuaskan boleh mengakibatkan NTP dikenakan.

## B. KEPERLUAN KHUSUS

### B.1 PENGENALAN PEKERJA

Identiti kenderaan, operator dan pekerja Kontraktor yang terlibat hendaklah jelas ditunjukkan. Setiap pekerja Kontraktor yang terlibat dengan kerja hendaklah memakai pakaian seragam dengan identiti agensi atau syarikat yang diwakili.

### B.2 KOMPETENSI

Kontraktor perlu memastikan Penyelia bagi kerja adalah individu yang kompeten. Bilangan pekerja yang mengendalikan satu-satu tugas hendaklah bersesuaian dengan kehendak kerja.

### B.3 KEPERLUAN PERALATAN DAN JENTERA

Peralatan dan jentera yang digunakan mestilah sesuai dengan kerja yang hendak dilaksanakan.

### B.4 KESELAMATAN KERJA

- B.4.1 Penyelia hendaklah bertanggungjawab mempastikan persekitaran kerja yang selamat sejajar dengan keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Aspek keselamatan hendaklah diberikan keutamaan termasuklah meletakkan papan tanda, kon keselamatan dan lampu 'beacon' jika terpaksa dilakukan pada waktu malam.
- B.4.2 Jika Kontraktor didapati tidak menggunakan alat keselamatan diri, kontraktor akan dikenakan denda berdasarkan peruntukan di dalam Syarat-syarat Sebutharga/Tender.
- B.4.3 Sekiranya pihak Jabatan Landskap MBSJ atau MBSJ dikenakan kompaun/saman atau sebarang tuntutan bayaran dari mana-mana pihak berkuasa atas apa-apa sebab sekalipun yang berkaitan dengan kegagalan Kontraktor untuk menggunakan alat keselamatan diri yang betul, tuntutan tersebut hendaklah dibayar oleh pihak Kontraktor atau Majlis berhak menuntutnya dari Kontraktor.

## **B.5 TAPAK KERJA**

- B.5.1 Individu kompeten yang dilantik hendaklah menilai keadaan tapak kerja. Jika terdapat sebarang risiko di tapak kerja seperti gangguan talian elektrik, dinding atau pagar maka pemantauan secara berterusan hendaklah dibuat semasa kerja-kerja dilaksanakan. Pemeriksaan tapak hendaklah dijalankan bagi mengenalpasti risiko bahaya termasuk sebarang halangan dan gangguan kerja.
- B.5.2 Kontraktor tidak dibenarkan meletakkan kenderaan atau mesin di atas longkang atau kerb jalan, melalui melepassi sebarang longkang atau kerb dan memasuki kawasan hijau, melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis dari pihak Majlis. Semua Kontraktor bertanggungjawab terhadap semua takungan air yang terbentuk dalam kawasan kerja disebabkan oleh kenderaan atau mesin. Sekiranya pihak Jabatan Landskap MBSJ atau MBSJ dikenakan kompaun/saman atau sebarang tuntutan bayaran dari mana-mana pihak berkuasa atas apa-apa sebab sekalipun yang berkaitan dengan kegagalan Kontraktor untuk menggunakan alat keselamatan diri yang betul, tuntutan tersebut hendaklah dibayar oleh pihak Kontraktor atau Majlis berhak menuntutnya dari Kontraktor.
- B.5.3 Utiliti Awam dan Perkhidmatan Lain  
Sebelum memulakan sebarang kerja, Penyelia hendaklah mengesahkan semua talian dan perpaipan utiliti yang berada di atas dan di dalam tanah. Sebarang kerosakan kepada utiliti awam yang berlaku disebabkan pelaksanaan kerja, hendak dilaporkan kepada agensi berkaitan.
- B.5.4 Kerja-kerja di tepi Jalan  
Segala keperluan keselamatan semasa menjalankan kerja-kerja di kawasan tepi jalan hendaklah disediakan dan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kerja dilakukan. Langkah keselamatan yang perlu diambil untuk memastikan tiada gangguan kepada aliran trafik adalah seperti berikut:
- Kon keselamatan – menyediakan kon keselamatan secukupnya diletakkan tidak kurang dari 50 kaki dari kawasan kerja dan setiap kon hendaklah diletakkan pada jarak 5 kaki setiap satu.
  - Jaket keselamatan – setiap pekerja yang berada dalam kawasan kerja hendaklah memakai jaket keselamatan pada setiap masa.
  - Pengawal bendera – hendaklah menyediakan pengawal bendera dengan peralatan yang sesuai untuk memastikan aliran trafik dikawal dan sentiasa dalam keadaan yang selamat kepada pengguna.

## B.5.5 Kawasan Terhad

Bagi kawasan yang terhad dan sentiasa sibuk, kawasan kerja hendaklah diletakkan dengan tali penanda untuk menghalang orang yang tidak berkaitan memasuki dan menggunakan kawasan tersebut. Kerja berhampiran bangunan atau harta awam, suatu pelan kerja dan penerangan kerja dengan semua kakitangan yang telibat hendaklah diadakan terlebih dahulu sebelum menjalankan kerja-kerja. Tempat kerja hendaklah sentiasa bersih daripada sebarang sampah atau tunggul atau bahan-bahan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan.

## **B.6 PENGURUSAN SISA KERJA**

Pembersihan sisa kerja mesti dilaksanakan pada hari ia dilaksanakan ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Majlis.

- B.6.1 Urusan pembuangan sampah hendaklah ditanggung oleh pihak Kontraktor dan perlu dibuang di kawasan pelupusan sampah yang ditetapkan oleh MBSJ iaitu tapak pelupusan milik Worldwide Holdings. Pelupusan sampah ke lokasi lain selain yang ditetapkan perlu mendapat kebenaran rasmi Majlis.
- B.6.2 Pihak Kontraktor perlu menyediakan kelengkapan yang sesuai untuk mengangkut sampah dalam kawasan taman. Membawa masuk lori ke kawasan siar kaki, trek jogging, rumput atau kawasan hijau adalah **DILARANG SAMA SEKALI**.
- B.6.3 Semua sistem saliran terbuka hendaklah bebas dari sebarang sampah-sarap yang dihasilkan semasa kerja.



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN H**

**MAKLUMAT PETENDER**



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**BAHAGIAN J**

**PELAN LOKASI**

# Dokumen Meja Terkawal

## PELAN LOKASI

